


ASPIRASI Anak yang Baik lagi Cerdik (ABC)

DATO' HAJI PKHARUDDIN HAJI GHAZALI
KETUA PENGARAH PENDIDIKAN MALAYSIA

Sudah lebih daripada enam dekad Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) memperkasakan agenda utamanya, iaitu memberikan tumpuan yang menyeluruh terhadap akses, kualiti, ekuiti, perpaduan dan kecekapan dalam sistem terpenting negara, iaitu sistem pendidikan. Tujuannya tidak lain tidak adalah untuk memastikan dasar pendidikan negara memenuhi standard pendidikan antarabangsa yang pada akhirnya akan melahirkan generasi negara yang berkualiti tinggi.



YBhg. Dato' Haji Pkharuddin Haji Ghazali mula menjalankan tugas sebagai Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia pada 23 September 2022.



YBhg. Dato' Haji Pkharuddin Haji Ghazali menyantuni murid-murid sewaktu sesi lawatan ke sekolah.



Tidak dinafikan bahawa sistem pendidikan di negara ini adalah antara yang terbaik di dunia. Malah Malaysia pernah berada pada kedudukan ke-19 daripada 141 buah negara yang diiktiraf oleh Forum Ekonomi Dunia sebagai negara yang mempunyai persaingan yang baik dalam bidang pendidikan. Dalam kalangan negara Asia pula, kualiti pendidikan Malaysia berada pada kedudukan kedua selepas Singapura, Indonesia (ketiga), Thailand (keempat) dan Vietnam (kelima).

Menyusur sejarah, sistem pendidikan kita dirangka berteraskan Laporan Pelajaran Razak 1956 dan Laporan Pelajaran Rahman Talib 1960, kemudian dikembangkan menerusi pelbagai transformasi pendidikan yang bertujuan untuk meningkatkan mutu pendidikan. Seterusnya, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 – 2025 menjadi kerangka pelan pendidikan yang hingga kini menjadi panduan utama dalam memetakan aspirasi murid dan pelbagai anjakan yang perlu dilakukan dan kemudiannya diperkukuh pula dengan pelbagai aspirasi baharu yang bersesuaian dengan matlamat semasa negara.

Antara aspirasi yang diyakini dapat mempertingkatkan mutu dan kualiti murid di seluruh negara ialah aspirasi "Anak yang Baik lagi Cerdik" (ABC) yang digagaskan oleh YBhg. Dato' Haji Pkharuddin Haji Ghazali, Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia (KPPM).

"Selain kecemerlangan intelektual dan kognitif yang dinilai sebagai hasil akhir, dalam usaha melahirkan pewaris negara yang cemerlang, kita perlu kembali kepada perkara asas, dengan menanamkan perkara teras dalam diri murid, iaitu keteguhan rohani, keterampilan diri, sahsiah terpuji dan kemantapan jadi diri. Semua ciri ini terkandung dalam aspirasi ABC," jelas YBhg. Dato'



YBhg. Dato' Haji Pkharuddin Haji Ghazali menerangkan aspirasi ABC menerusi rancangan Sembang Didik.

Haji Pkharuddin Haji Ghazali semasa memulakan bicara dalam sesi wawancara bersama-sama sidang editor *Dewan Siswa*, di pejabatnya di Putrajaya.

Tambah YBhg. Dato' Haji Pkharuddin Haji Ghazali, ABC memetakan perkembangan potensi murid, iaitu untuk melahirkan anak yang baik dan setiap murid perlu diasah dari segi jasmani, emosi, rohani dan sosial dengan berbekalkan akidah, ibadah dan sirah perjalanan melalui kehidupan.

"Apabila seorang anak telah dilengkapi dengan akidah, ibadah dan sirah ini, maka intelek anak atau murid akan mudah dilentur, iaitu ilmu yang dicurahkan oleh guru akan mudah difahami oleh murid dan akhirnya akan membentuk potensi yang tinggi dalam diri mereka. Saya percaya anak atau murid yang memiliki adab dan karakter yang baik akan menjadikan mereka cerdas dalam pelajaran dan kehidupan. Inilah aspirasi ABC yang ingin saya ketengahkan," ucap YBhg. Dato' Haji Pkharuddin Haji Ghazali.

Beliau yang dilantik sebagai KPPM sejak September lalu turut menjelaskan bahawa aspirasi ABC yang bertujuan untuk melahirkan insan

terdidik yang cemerlang ini hanya mampu dicapai dengan peranan penting ibu bapa dan guru untuk bersama-sama berganding bahu mencapai aspirasi ini.

"Guru memiliki tanggungjawab mereka dalam mendidik murid dan begitu juga dengan ibu bapa. Dalam mencapai aspirasi ABC ini, ibu bapa tidak boleh meletakkan sepenuhnya tugas kemenjadian murid ini 100 peratus di bahu guru dan begitulah sebaliknya. Hal ini demikian kerana ibu bapa dan guru merupakan insan yang berperanan penting dalam menjayakan aspirasi ABC. Jika kedua-dua pihak memahami tugas mereka, saya percaya aspirasi ini mampu menjadi anjakan penting dalam melahirkan murid yang cemerlang," ujar YBhg. Dato' Haji Pkharuddin Haji Ghazali.

Tambahnya lagi, aspirasi ini pernah digunakan oleh beliau semasa memegang jawatan sebagai Pengarah Pendidikan Negeri di Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) Negeri Sembilan. Beliau percaya akan aspirasi ini mampu melahirkan anak bangsa yang beradab, mengamalkan nilai hormat dan menjadi insan yang bijak, maka YBhg. Dato' Haji Pkharuddin Haji Ghazali menerapkannya dalam kepimpinannya di KPM dengan harapan besar bahawa sistem pendidikan negara mampu melahirkan ABC yang mampu bersaing dengan pelbagai cabaran yang mendatang.

Aspirasi yang dibawa oleh tampuk pimpinan tertinggi dalam KPM ini telah mendapat sokongan daripada Menteri Pendidikan, YB Fadhlina Sidek yang meminta agar slogan ABC ini diteruskan ke seluruh Malaysia. Konsep ABC adalah sejajar dengan aspirasi tujuh teras utama yang menjadi fokus KPM, iaitu menekankan aspek *karamah insaniah* melalui pembentukan adab, akhlak dan integriti dalam kalangan murid. Secara dasarnya, slogan ini memfokuskan kaedah untuk melahirkan murid yang mempunyai sahsiah diri yang baik, sekali gus meningkatkan daya intelektual murid. Slogan ini merupakan usaha untuk memberikan pemahaman yang mudah kepada masyarakat untuk menghayatinya.

"Saya memperoleh slogan ABC ini sewaktu melihat murid yang mempunyai tekanan untuk mencapai prestasi akademik yang cemerlang. Tekanan tersebut boleh menyebabkan

sistem pendidikan negara menjadi tidak seimbang. Dalam situasi ini, saya berpandangan bahawa perkara berkenaan berkait rapat dengan sebilangan ibu bapa yang terlalu menghendaki anak-anak mereka cemerlang dalam pelajaran. Setiap ibu bapa sanggup menyediakan peruntukan kewangan yang banyak demi pendidikan anak-anak mereka. Walau bagaimanapun, peruntukan tersebut cukup tinggi berbanding dengan usaha melahirkan anak yang baik. Sebagai contoh, pendedahan tentang adab dapat diajar sejak dari kecil supaya nilai murni tersebut berterusan sehingga dewasa," jelas YBhg. Dato' Haji Pkharuddin Haji Ghazali.

Beliau turut percaya bahawa nilai adab yang dapat dipraktikkan oleh anak-anak sedari kecil berupaya membawa kecemerlangan kepada murid bukan sahaja dalam konteks sahsiah diri malahan kecemerlangan diri berkat dorongan dan doa daripada ibu bapa.

PERJALANAN KERJAYA YBHG. DATO' HAJI PKHARUDDIN HAJI GHAZALI DALAM DUNIA PENDIDIKAN

Menyorot kisah kejayaan perjalanan hidup beliau sebagai seorang pendidik, YBhg. Dato' Haji Pkharuddin Haji Ghazali berkata, "Semuanya bermula daripada harapan dan doa ibu dan ayah". Memetik

YBhg. Dato' Haji Pkharuddin Haji Ghazali ketika diwawancara secara eksklusif di pejabatnya di Putrajaya.



peribahasa Melayu yang berbunyi, "Pengayuh sayang dibasahkan, sampan takkan sampai ke seberang" yang bermaksud, tidak akan tercapai maksudnya kalau tidak mahu berusaha dan bersusah payah. Begitulah gambaran kisah perjalanan hidup seorang anak kampung yang cekal dan tabah membawa harapan ibu dan ayah. Berbekalkan harapan itulah beliau memilih untuk menjadi seorang pendidik sehingga berjaya berada di puncak kejayaan pada hari ini.

YBhg. Dato' Haji Pkharuddin Haji Ghazali telah berkongsi tentang pengalaman beliau sewaktu zaman kanak-kanak. Menurut beliau, "Saya membesar dalam suasana sekolah. Ayah saya seorang pengusaha kantin di Sekolah Kebangsaan Bukit Jawa, Selising, Kelantan. Oleh itu, tempat permainan saya sejak kecil memang di kantin sekolah. Kebetulan pula disebabkan badan saya yang agak tinggi, saya kerap dilantik menjadi ketua darjah, pengawas dan pembaca doa. Saya juga aktif dalam bidang sukan dan kokurikulum. Maka itu, sejak kecil lagi jiwa saya memang sudah berada di sekolah. Dalam bidang akademik pula, memang tidak dinafikan bahawa banyak cabaran yang perlu saya lalui, iaitu terpaksa berjauhan dengan keluarga apabila berjaya melanjutkan pelajaran ke tingkatan satu di Sekolah Alam Shah Kuala Lumpur. Namun begitu, apabila memikirkan harapan ibu dan ayah, saya kuatkan semangat dan bertekad untuk belajar bersungguh-sungguh."

YBhg. Dato' Haji Pkharuddin Haji Ghazali merupakan pelajar lulusan Ijazah Sarjana Muda Sains (Kepujian) pengkhususan dalam bidang Geografi dari Universiti Malaya. Beliau kemudiannya telah memulakan perkhidmatan sebagai guru di Sekolah Menengah King George V, Seremban, Negeri Sembilan pada 1 Ogos 1989. Sepanjang tempoh perkhidmatannya, YBhg. Dato' Haji Pkharuddin Haji Ghazali telah berkhidmat

di pelbagai organisasi dalam KPM. Antaranya termasuklah sebagai Penolong Pengarah Sektor Penilaian dan Peperiksaan di JPN, Negeri Sembilan, Pengetua Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Taman Semarak, Ketua Sektor Penilaian dan Peperiksaan, Ketua Sektor Jaminan Kualiti, Timbalan Pengarah dan Pengarah Pendidikan Negeri di JPN Negeri Sembilan serta Pengarah Peperiksaan di Lembaga Peperiksaan.

Selain memberikan fokus terhadap bidang akademik, beliau juga aktif dalam aktiviti berpersatuan, iaitu pengakap. Bakat kepimpinan dan kemahiran beliau telah terserlah sejak di bangku sekolah lagi apabila berjaya mendapat pencapaian tertinggi dalam pengakap, iaitu sijil Pengakap Raja. Anugerah Pengakap Raja merupakan anugerah tertinggi bagi Persekutuan Pengakap Malaysia (PPM). Sijil Pengakap Raja telah ditandatangani oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Sultan-sultan serta Raja-raja di Malaysia. Anugerah ini diberikan kepada ahli pengakap yang mendapat pencapaian tertinggi dalam pengakap sebelum mencapai umur 18 tahun.

Mengimbuai kembali pengalaman sewaktu ditemu duga sebagai guru, jelas beliau, "Pada ketika itu tahun 1987 dan merupakan zaman kemelesetan ekonomi. Banyak orang yang tidak mempunyai pekerjaan dan saya bernasib baik kerana ditawarkan untuk menghadiri temu duga guru. Sewaktu sesi temu duga, terjadi suatu kejadian yang menarik apabila sijil Pengakap Raja yang bersaiz A3 tidak dapat dimasukkan ke dalam folder bersama-sama sijil yang lain. Oleh itu, panel penemu duga telah meminta saya menceritakan pengalaman saya semasa menjadi pengakap sehinggalah berjaya mendapat sijil Pengakap Raja. Sebaik-baik sahaja saya tamat bercerita, salah seorang panel berkata, "Baiklah Pkharuddin, awak boleh jadi cikgu." Disebabkan kelayakan akademik, keaktifan dan kecemerlangannya dalam aktiviti kokurikulum, bakat yang dimiliki dan kemahirannya berkomunikasi, akhirnya beliau telah lulus temu duga tersebut dan berjaya menjadi seorang guru. Menurut beliau lagi, "Apa-apa sahaja minat kita semasa di bangku sekolah, apa-apa sahaja yang kita buat semasa di bangku sekolah sebenarnya akan menjadi persediaan untuk kehidupan kita pada masa hadapan kelak."

Selain peranan ibu bapa dan cita-cita murid untuk membina masa depannya, guru juga memainkan

"Apa-apa sahaja minat kita semasa di bangku sekolah, apa-apa sahaja yang kita buat semasa di bangku sekolah sebenarnya akan menjadi persediaan untuk kehidupan kita pada masa hadapan kelak."



YBhg. Dato' Haji Pkharuddin Haji Ghazali semasa menyertai aktiviti bersama-sama murid.

peranan yang sangat penting dalam membimbing dan membentuk pemikiran dan sikap murid dalam usaha melahirkan anak yang baik seterusnya menjadi lebih cerdas. Sehubungan dengan itu, menurut YBhg. Dato' Haji Pkharuddin Haji Ghazali, beliau akan menerajui perkhidmatan, meneruskan kesinambungan dan kecemerlangan pendidikan dalam memacu transformasi pendidikan. Beliau akan berusaha untuk meningkatkan profesionalisme dan kebajikan guru walaupun berhadapan dengan pelbagai cabaran. Beliau juga akan menggalas tanggungjawab bagi meningkatkan mutu sistem pendidikan bukan sahaja dari aspek sumber manusia malahan dari segi prasarananya.

KPM merupakan antara kementerian atau pemegang taruh terbesar di negara ini dengan menaungi pengurusan sumber manusia yang banyak, iaitu sebanyak 412 227 orang guru, 5 110 048 orang murid dan 10 233 buah sekolah. Oleh hal yang demikian, peranan dan tanggungjawab sebagai KPPM sangat mencabar. Menurut YBhg. Dato' Haji Pkharuddin Haji Ghazali, "Apabila berada di tempat yang tertinggi dalam KPM ini, cabarannya sangat besar, namun kepuasannya juga besar kerana kita nampak keberhasilannya terutama kementerian murid, iaitu melahirkan Anak yang Baik lagi Cerdik. Kepuasannya juga kerana saya dapat menjana idea untuk menyesuaikan atau menyelesaikan masalah yang timbul dengan menggunakan pendekatan yang relevan dalam konteks pengurusan masalah di KPM."

Bagi menyelesaikan sesuatu masalah, KPPM juga dilihat sebagai seorang yang akan turun padang untuk mendapatkan maklumat yang tepat dan mencari jalan penyelesaian terbaik. Mengulas tentang perkara ini, ujar YBhg. Dato' Haji Pkharuddin Haji Ghazali, "Saya lakukannya kerana ada kalanya berlaku kecairan maklumat dalam penyampaian maklumat daripada KPM kepada JPN dan pejabat pendidikan daerah (PPD). Walaupun demikian, saya percaya bahawa setiap masalah pasti dapat



YBhg. Dato' Haji Pkharuddin Haji Ghazali bersama-sama pengurusan tertinggi KPM.

diselesaikan dengan cara yang rasional dan terbaik. Saya percaya pegawai di KPM sedaya upaya melaksanakannya dengan baik."

Semasa berbicara tentang kaedah mencari penyelesaian dalam menangani sesuatu masalah, YBhg. Dato' Haji Pkharuddin Haji Ghazali turut mengaitkannya dengan pengalaman pada waktu zaman persekolahan yang banyak mendidiknya menjadi dewasa. Jelas beliau, "Hal ini dapat diadaptasi dan dipelajari sejak zaman persekolahan lagi, iaitu sewaktu aktiviti pengakap. Contohnya sewaktu saya memasang dan membersihkan khemah, menghidupkan kayu api dan memasak sewaktu hujan serta merawat rakan yang cedera. Peringkat demi peringkat perjalanan hidup tersebut mengajar kita pelbagai pengalaman hidup yang berguna dan sudah tentu dapat digunakan dalam waktu yang mencabar". Bercerita tentang pengalaman tersebut dan dalam situasi beliau sebagai KPPM yang berhadapan dengan cabaran, jelas beliau, "Saya seronok berada di sini untuk melahirkan Anak yang Baik lagi Cerdik." Hal ini demikian kerana beliau merupakan pemimpin dan pernah menjadi seorang guru yang terlibat dalam menentukan masa hadapan seorang murid.

Hakikatnya, pemimpin dalam dunia pendidikan sememangnya menggalas tanggungjawab yang besar dalam memastikan matlamat dan agenda pendidikan negara dapat dilestarikan. Menurut YBhg. Dato' Haji Pkharuddin Haji Ghazali, "Tanggungjawab sebagai KPPM ini sangat besar amanahnya, namun menjadi ringan apabila kita memikirkan anak bangsa kita perlu dididik, perlu diberikan ilmu, perlu dijadikan manusia. Maka itu, untuk memanusiakan manusia, kita memerlukan perasaan kasih sayang dan sifat penyayang antara satu sama lain: Perasaan ini bukan

datang dengan sekelip mata sahaja, tetapi bermula sejak dari kecil lagi, sejak dari kita mula mengenal dunia. Sewaktu memasuki alam persekolahan, kita boleh mendidik seseorang itu menjadi prihatin dan penyayang kepada ibu bapa, guru, rakan sekelas atau sayang akan tugas dan tanggungjawab yang diberikan."

Tambah beliau, "Antara ramuan untuk berjaya adalah memerhatikan ketua atau pemimpin dan menyambut setiap gagasan atau apa-apa sahaja yang ada di dalam kotak pemikirannya. Hal ini demikian kerana seorang pemimpin tidak akan membawa gagasan yang negatif, sebaliknya akan membawa gagasan yang positif untuk organisasinya. Cabarannya adalah sama ada praktikal atau kurang praktikal, mampu atau tidak mampu dan mudah diterima atau tidak diterima gagasan tersebut oleh majoriti orang yang dipimpinnya."

Pengalaman berkhidmat sebagai Pengarah Pendidikan Negeri di JPN Negeri Sembilan dijadikan peluang untuk beliau mengorak langkah mencipta kejayaan. Anak jati kelahiran Kampung Selising, Pasir Puteh, Kelantan ini telah menjadi perantau dan menetap lama di Negeri Sembilan. Oleh itu, beliau sentiasa berusaha untuk memberikan yang terbaik kepada tempat yang menjadi sumber rezeki kepadanya, seperti peribahasa Melayu yang berbunyi, "Di mana bumi dipijak, di situ langit dijunjung". Beliau sentiasa berharap agar keberadaannya akan memberikan makna kepada masyarakat di Negeri Sembilan, yang juga terkenal sebagai sebuah negeri yang sentiasa menitikberatkan adat dan budaya.

Maka itu, menurutnya lagi, "Berdasarkan pemerhatian dan kepekaannya terhadap persekitaran, saya mendapat idea untuk berusaha mengubah sikap manusia. Sistem pendidikan kita mampu mengubah sikap murid yang sedang kita didik di bangku sekolah. Kita perlu fikir, apakah yang hendak kita didik? Adakah kita hendak mereka menjadi cerdas? Atau adakah kita hendak mereka menjadi baik? Pada masa ini, banyak pihak yang mempertikaikan kepimpinan guru. Contohnya, apabila guru tidak dapat mengajar anak muridnya menjadi pandai, ibu bapa akan menganggap pengajaran tersebut hanya sambil lewa ataupun program tersebut tidak memberikan impak kepada anak mereka. Pandangan

YBhg. Dato' Haji Pkharuddin Haji Ghazali semasa turun padang melawat sekolah-sekolah daif di Sarawak.



negatif terhadap guru tersebut perlu dibendung untuk mewujudkan suasana harmoni dalam kalangan masyarakat."

Beliau turut berkata bahawa, "Sekolah mampu menghasilkan manusia yang sentiasa melihat kebaikan. Manusia yang suka melihat kebaikan sudah semestinya manusia yang baik. Maka itu, perkara pertama yang perlu difikirkan adalah mengubah manusia menjadi baik. Baik itu maksudnya mempunyai nilai-nilai murni dalam diri. Perkataan baik itu sendiri sangat mudah difahami oleh kanak-kanak, orang dewasa atau orang tua. "Selain baik, apakah lagi perkara yang boleh mengubah manusia? Tentulah cerdas. Manusia perlu cerdas untuk menjadi orang yang berkerjaya, seperti jurutera, doktor dan pemimpin."

MENDEPANI CABARAN DALAM DUNIA PENDIDIKAN

YBhg. Dato' Haji Pkharuddin Haji Ghazali amat menyambut baik aspirasi Menteri Pendidikan, YB Fadhlina Sidek yang mahu KPM menjadikan murid sekolah di seluruh negara sebagai "Duta MADANI Perpaduan" peringkat kementerian bagi memupuk semangat perpaduan selaras dengan konsep Malaysia MADANI. Menurut beliau, sebagai "Duta MADANI Perpaduan", KPM sudah tentu akan menitikberatkan aspek *karamah insaniah* melalui pembentukan adab, akhlak dan integriti dalam kalangan murid. Kebajikan guru juga akan dijadikan sebagai teras utama dalam memastikan keberkesanan penyampaian pendidikan. Perkara ini juga selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang jelas menyatakan bahawa pendidikan di Malaysia merupakan suatu usaha yang berterusan ke arah mengembangkan potensi individu secara menyeluruh untuk mewujudkan insan yang seimbang dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani.

Selain itu, dalam usaha memacu kecemerlangan KPM, YBhg. Dato' Haji Pkharuddin Haji Ghazali menjelaskan bahawa pendidikan digital dalam kalangan guru dan murid tidak akan dikesampingkan sejajar dengan perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi (TMK). Oleh itu, beberapa usaha telah dirancang oleh KPM dalam memastikan Dasar Pendidikan Digital (DPD) murid dapat diperkasa. Antara inisiatif yang akan dilaksanakan termasuklah membangunkan Standard Kompetensi Digital Murid (SKDM), menggunakan pelantar Digital Educational Learning Initiative Malaysia (DELIMA), memantapkan kompetensi digital guru melalui

Pembangunan Profesionalisme Berterusan (PPB), melaksanakan latihan kepimpinan pendidikan digital kepada 1515 orang pengetua dan guru besar sepanjang tahun 2023, membekalkan sekolah dan institusi pendidikan dengan 50 000 komputer riba berdasarkan belanjawan Malaysia MADANI 2023, meningkatkan kualiti capaian Internet di sekolah, dan menggantikan peralatan TMK yang telah usang.

Bagi memastikan kecemerlangan sistem pendidikan, YBhg. Dato' Haji Pkharuddin Haji Ghazali juga amat menitikberatkan aspek kepimpinan. Menurut beliau, pemimpin perlu mempersiapkan diri untuk berhadapan dengan dunia yang berubah-ubah agar dapat mengadaptasi sesuatu perkara dalam apa-apa jua keadaan. Sewaktu COVID-19 melanda negara pada tahun 2020, YBhg. Dato' Haji Pkharuddin Haji Ghazali merupakan Pengarah Peperiksaan di Lembaga Peperiksaan. Pada ketika itu, beliau berdepan dengan cabaran untuk menguruskan peperiksaan semasa pandemik COVID-19. Jelas beliau, "Berdasarkan pengalaman selama 20 tahun menguruskan peperiksaan KPM, saya telah berjaya mengendalikan peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) tahun 2020 dengan jayanya berpandukan garis panduan yang telah disediakan oleh Lembaga Peperiksaan. Selain itu, buat pertama kalinya dalam sejarah, saya telah berjaya melaksanakan peperiksaan SPM secara dalam talian bagi mengelakkan penularan wabak COVID-19." Begitulah satu gambaran yang diberikan oleh beliau kepada pemimpin tentang kesediaan untuk membuat keputusan apabila berdepan dengan situasi yang menuntut seseorang untuk melakukan perubahan. Oleh itu, beliau menasihati pemimpin-pemimpin di KPM bukan sahaja di kementerian, JPN, PPD malahan sekolah agar tidak hanya mengamalkan pengurusan dan kepimpinan secara fleksibel, tetapi berlandaskan peraturan dan etika serta mengamalkan nilai integriti ke arah mencapai matlamat pendidikan negara demi kepentingan anak bangsa.

Selain itu, beliau turut berkata, "Saya menyantuni rakan-rakan pemimpin di KPM dan mengajak mereka untuk bersama-sama memberikan semangat dan berkongsi pengalaman tentang perjuangan mereka berkhidmat di pedalaman demi pendidikan. Melalui perkongsian ini diharapkan pengorbanan dan perjuangan guru di sekolah pedalaman dapat dijadikan sebagai motivasi kepada masyarakat yang lain." Dalam usaha KPM menangani masalah keciciran murid di kawasan pedalaman,

KPPM bersama-sama pegawai JPN Sarawak dan PPD Baram telah mengadakan lawatan ke sekolah-sekolah daif di sekitar Sarawak. Antaranya termasuklah Sekolah Kebangsaan (SK) Long Bedian, SK Long Pelutan, SK Long Wat, SK Long Atip dan SK Long Bemang. KPM telah memperkenalkan sekolah Model Khas Komprehensif 9 (K9), iaitu merujuk sekolah yang memberikan pendidikan kepada murid mulai tahun satu hingga tingkatan tiga, kepada Komprehensif 11 (K11), iaitu pendidikan yang bermula dari tahun satu hingga tingkatan lima di sekolah yang sama. Konsep K9 telah berjaya menangani masalah keciciran murid di kawasan luar bandar terutamanya dalam kalangan murid Orang Asli dan peribumi yang menghadapi kesukaran untuk meneruskan pendidikan ke peringkat sekolah menengah. Hal ini disebabkan oleh faktor lokasi ke sekolah menengah yang jauh, bentuk muka bumi yang mencabar dan sosioekonomi keluarga. Menurutnyanya lagi, "Saya amat tersentuh melihat keadaan sekolah yang daif dan kepayahan guru-guru serta murid-murid yang terpaksa berkorban masa dan tenaga demi menuntut ilmu."

KPM sentiasa komited dalam memastikan kesejahteraan guru terus terpelihara dan diambil cakna. Oleh hal yang demikian, KPM akan memberikan tumpuan kepada tujuh teras utama dalam hasrat melahirkan murid ceria, guru bahagia, sekolah bitara dan negara sejahtera. Maka itu, dalam teras kelima yang memfokuskan isu kebajikan, iaitu tekanan yang dihadapi oleh para guru, KPM akan melaksanakan langkah seperti yang berikut:

1 Memansuhkan sebarang bentuk pertandingan, sambutan atau majlis di semua peringkat yang tidak memberikan impak besar terhadap pembelajaran murid dan hanya menambahkan beban tugas guru.

2 Mengurangkan kekerapan semakan elemen pengurusan sekolah Standard Kualiti Pendidikan Malaysia (SKPM).

3 Menetapkan waktu mengunci masuk rekod kehadiran murid yang lebih fleksibel kepada guru, iaitu 12.00 tengah hari untuk sesi pagi dan 5.00 petang untuk sesi petang bagi mengelakkan kesesakan dalam sistem.

4 Menawarkan pelantikan pengawas peperiksaan awam yang dikendalikan oleh Lembaga Peperiksaan (LP) dan Majlis

Peperiksaan Malaysia (MPM) kepada individu selain guru yang sedang berkhidmat. Contohnya pesara kerajaan, pelajar institut pendidikan guru (IPG) dan institusi pendidikan tinggi (IPT), dan mereka perlu memenuhi kriteria yang ditetapkan.

5 Menghadkan penganjuran sambutan Hari Guru tahunan kepada peringkat kebangsaan dan sekolah sahaja.

6 Menetapkan ringkasan Rancangan Pelajaran Harian (RPH).

7 Memperkukuh autonomi guru dalam perancangan dan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran (PdP) serta Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) dengan menjadikan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) sebagai rujukan.

YBhg. Dato' Haji Pkharuddin Haji Ghazali menyatakan bahawa tugas sebagai seorang guru bukan mudah. Walaupun pelbagai cabaran yang dihadapi, pesan beliau kepada semua guru, "Jadilah seorang pejuang yang sentiasa berusaha demi anak bangsanya, kerana anak-anak inilah nanti yang akan kita harapkan untuk menjaga warisan negara, menjaga hutan belantara, menjaga pulau dan menjaga keindahan alam semesta. Saya sangat berbangga dengan guru-guru yang mengajar di pedalaman kerana mempunyai semangat juang dan jati diri yang tinggi demi mendidik anak bangsa. Kita telah dilorongkan sebagai guru. Sebagai guru, jadilah insan yang dapat memansuakan manusia."

Sebelum mengakhiri wawancara, YBhg. Dato' Haji Pkharuddin Haji Ghazali telah menitipkan ucapan istimewa buat para guru bersempena dengan Sambutan Hari Guru yang akan disambut pada 16 Mei 2023 dengan tema "Guru Insani Pemangkin Generasi Madani." Ucapan beliau, "Sebagai Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia, saya merakamkan ucapan Selamat Hari Guru kepada seluruh warga pendidik di negara Malaysia. Sesungguhnya pengorbanan guru tidak ada tolok bandingnya. Para guru telah melakukan yang terbaik untuk melahirkan Anak yang Baik lagi Cerdik. Semoga pengorbanan tersebut menjadi amal jariah yang berpanjangan buat semua guru di seluruh Malaysia dan semoga sihat sejahtera serta ceria dalam mendidik anak bangsa kita. Selamat Hari Guru. Terima kasih, cikgu." 🌸